

Azwani melepaskan tendangan kepada Thamol pada aksi final karate bawah 61kg pada Sukan Universiti ASEAN 2024.  
(Foto ihsan Sukan KPT)



Sukan Universiti ASEAN 2024

# Azwani buat Thamol gigit jari lagi

Atlet karate  
pertahan emas  
acara kumite  
bawah 61kg

Daripada Syafiq Aznan  
di Malang  
syafiq.aznan@bh.com.my

**Malang:** Atlet karate negara, Siti Nor Azwani Nor Azli berjaya mempertahankan pingat emas acara kumite bawah 61 kilogram

(kg) pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 di Surabaya-Malang, kali ini.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menewaskan wakil Thailand, Thamol Chanchinda pada aksi final acara kumite bawah 61kg di Pusat Konvensyen Universitas Negeri Malang (UM), semalam.

Lebih menarik, Nor Azwani melakar kemenangan berganda ke atas Thamol selepas dia turut menewaskan lawan sama pada aksi final pada edisi 2022 di Ubon Ratchathani.

“Perlawanan final agak men-

cabar kerana saya bertemu lawan yang sama pada AUG sebelum ini. Jadi masing-masing tahu kekuatan dan kelemahan masing-masing.

“Jadi ia bukanlah satu perlawanan yang mudah tetapi saya gembira dapat menyumbangkan pingat emas pada penampilan kedua saya di AUG,” kata Siti Nor Azwani.

**Pingat pertama skuad di AUG**  
Sebagai rekod, ini adalah pingat pertama skuad karate negara di AUG 2024.

Justeru, kemenangan di AUG

bakal dijadikan tonik buat Nur Azwani selepas dia turut akan bertanding dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 yang akan berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), September ini.

“Pertandingan selepas ini adalah SUKIPT jadi saya akan meletakkan fokus pada SUKIPT pula,” katanya.

Pada SUKIPT edisi 2022 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dia meraih emas untuk UPM dalam acara sama selepas menundukkan wakil Politeknik Malaysia, Vaisnavi Murugan 12-2.